



AMBD Article

TAHUKAH AWDA KOS SEBENAR PELAN ANSURAN AWDA?

Ketika saya berjalan di sekitar Jalan Gadong, saya ternampak sebuah TV LED berukuran 55". Model ini merupakan salah satu daripada barang yang saya idam-idamkan. Namun saya masih ragu-ragu untuk membelinya kerana saya masih mempunyai hutang kereta dan hutang rumah yang perlu dibayar setiap bulan. "Perluakah saya membelanjakan BND5,999 untuk TV ini?", saya mula bertanya kepada diri saya sendiri. "Saya telah banyak berkerja sehingga lewat malam sejak kebelakangan ini, saya memang patut membelinya".

Sebelum saya dapat berfikir dengan lebih bijak, saya terlihat di depan LED TV tersebut adalah sekeping kertas tanda "**BAYAR KADAR FAEDAH YANG RENDAH DENGAN PELAN ANSURAN BARU KAMI**". Saya pun terus mendekati jurujual untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini. Jurujual tersebut menerangkan bahawa saya boleh mendapatkan TV idaman saya jika saya bersetuju untuk membayar sebanyak BND149 sebulan selama 48 bulan berturut-turut.

Bayaran sebanyak BND149 sebulan selama 48 bulan merupakan jumlah yang munasabah berbanding pembayaran sebanyak BND5,999 yang akan ditolak sekali gus dari akaun bank saya. Saya pun bersetuju dengan pelan tersebut dan membawa pulang TV idaman saya dengan senyuman yang lebar.

Beberapa bulan kemudian, saya hanya dapat berharap agar keadaan sekarang dapat berubah. Akibat menuruti kemahuan saya untuk memiliki TV idaman saya pada masa itu, saya terlupa untuk memikirkan kos sebenar yang akan saya hadapi melalui pelan ansuran tersebut. Bayaran BND149 setiap bulan mungkin munasabah, namun bayaran BND149 sebulan bagi tempoh 48 bulan sebenarnya adalah berjumlah BND7,152. Ini merupakan lebih kurang BND1,100 atau hampir 20% lebih tinggi daripada harga asal TV sebenar. Jika saya tidak membuat keputusan dengan terburu-buru pada hari itu, saya pasti akan dapat mengumpul jumlah wang tersebut. Sebaliknya, hutang yang perlu saya bayar setiap bulan sudah semakin meningkat.

Walaupun pelan ansuran seperti di atas boleh memberikan kelonggaran kewangan kepada pengguna, namun kebanyakan orang terjebak dengan masalah saya di atas, di mana mereka telah terlepas pandang mengenai kos bayaran sebenar. Satu pengajaran yang boleh diambil adalah untuk sentiasa peka dengan kos bayaran pinjaman yang sebenar sebelum mendapatkan mana-mana pinjaman. Jangan hanya menumpukan perhatian kepada bayaran bulanan! Pinjamlah mengikut kemampuan awda dan pastikan bahawa awda masih dapat membuat simpanan untuk perkara-perkara lain dan untuk perkara-perkara yang tidak dijangka seperti pembayaran bil pembaikan kereta atau bil pembaikan rumah.

Awda mungkin juga pernah ternampak pelan-pelan seperti "0% pelan ansuran" di mana skim-skim seperti ini tidak mengenakan caj kadar faedah dan membolehkan awda untuk membayar harga asal seperti diiklankan. Walaupun tawaran tersebut kelihatan menarik, namun pelan tersebut secara lazimnya mempunyai terma dan syarat yang tertentu. Pastikan awda memahami terma dan syarat pinjaman awda dan pastikan bayaran bulanan dilaksanakan setiap bulan. Sekiranya awda tidak menjelaskan bayaran pinjaman bulanan awda, kadar faedah yang tinggi akan dikenakan. Awda juga akan dikenakan caj *late penalty* sekiranya awda tidak membuat bayaran bulanan pada waktunya.

Berikut adalah beberapa tip kewangan sebelum mendapatkan mana-mana pinjaman pada masa akan datang:

- Pastikan awda mengetahui kos sebenar pinjaman – pastikan awda mendapatkan maklumat mengenai kadar faedah yang diiklankan dan kadar faedah efektif daripada penjual! Kadar faedah efektif merupakan kadar faedah sebenar yang akan awda bayar bagi pinjaman tersebut;
- Pastikan awda telah membuat perbandingan harga di kedai-kedai lain. Jika satu tawaran promosi nampak terlalu menarik, ianya berkemungkinan dikenakan terma dan syarat yang tertentu. Pastikan awda memahami syarat-syarat tersebut;
- Berhati-hati dengan caj-caj yang dikenakan seperti *late payments* dan bayaran pemprosesan; dan
- Jika gaji bersih awda adalah BND1,750 dan ke atas, komitmen hutang awda tidak boleh melebihi 60% daripada gaji bersih.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam